

**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

TARIKH IKLAN: 13 MAC 2019

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 27 MAC 2019

BILANGAN IKLAN 18/03/2019 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7(a) – GAJI HARI

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
 - (D) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.
-
-



IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH1. JURUTERA
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian atau Ketua Jabatan.
2. Bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan peruntukan Perintah Elektrik 2017.
3. Bergiat aktif dalam mengawasi, memantau dan menguatkuasakan peraturan dan peruntukan di dalam Perintah Elektrik 2017.
4. Mengetahui dengan terperinci tentang panduan, peraturan dan kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam Perintah Elektrik 2017.
5. Mengetahui dasar-dasar dan prosedur penguatkuasaan yang telah ditetapkan dan untuk membimbing kakitangan bawahan.
6. Membantu merangka dasar-dasar dan peraturan-peraturan pembaharuan yang berkaitan dengan Perintah Elektrik 2017.



7. Memperoleh dan menganalisa data-data yang berkaitan dengan kes-kes kesalahan dan pelanggaran peraturan dan peruntukan Perintah Elektrik 2017.
8. Mengatur dan mengendali jadual untuk pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan oleh bahagian.
9. Menyediakan laporan untuk kes-kes kesalahan atau pelanggaran Perintah Elektrik 2017 kepada Ketua Bahagian.
10. Merancang dan menjalankan pemberitaan secara menyeluruh kepada orang ramai dan pihak berkepentingan tentang Perintah Elektrik 2017, kesalahan dan denda yang ditetapkan untuk memastikan pematuhan.
11. Sentiasa bersedia untuk berkhidmat di luar waktu kerja dan di mana-mana daerah, bahagian dan cawangan Autoriti Elektrik.
12. Mencadangkan apa jua pembaharuan tatacara pelaksanaan penguatkuasaan bagi mendukung pembaikan yang berterusan.



**TEMPAT MENGISIKAN DAN MENGHADAPKAN BORANG
PERMOHONAN MELALUI LAMAN SESAWANG :**

[http://memi.gov.bn/job application](http://memi.gov.bn/job%20application)

**TARIKH TUTUP MENGISIKAN BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH1 ADALAH
PADA 27 MAC 2019.**